



DARI kiri ke kanan: Watson, Ranjani dan Jong kelihatan gembira ketika melihat nama mereka tersenarai sebagai Penerima Hadiah Buku yang terdapat dalam buku Konvokesyen ke-15, UMS.

► **Majlis Konvokesyen UMS ke-15**

4,553 graduan terima ijazah Sarjana Muda

UB 24.11.2013 A3
Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusanborneokk@gmail.com

KOTA KINABALU: Lulusan Universiti Malaysia Sabah disaran agar terus memajukan diri dan meneruskan legasi kecemerlangan pada masa hadapan, kata Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-15, di sini kelmarin.

Sempena majlis konvokesyen kali ini, seramai 4,553 graduan menerima ijazah Sarjana Muda masing-masing.

Beliau berkata, adalah diharapkan agar usaha memburu kegemilangan ini tidak berakhir dengan segulung ijazah atau diploma semata-mata kerana proses pembelajaran tiada noktahnya.

Dengan itu, Harun menasihatkan graduan agar apa jua yang dilakukan selepas ini, mereka perlu laksanakan tanggungjawab mereka dengan

“Daripada jumlah penduduk Malaysia yang bekerja, sebanyak 12 juta atau 23.2 peratus pada tahun 2009, terdiri daripada mereka yang mempunyai lulusan pengajian tinggi. Perangkaan ini menunjukkan bahawa 45 peratus mereka yang bekerja dengan lulusan pengajian tinggi diperlukan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.”

PROF. DATUK DR. HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

penuh amanah.

“Sebagai Alumni UMS, mereka juga harus sumbangkan ilmu yang diperolehi untuk pembangunan masyarakat seterusnya menyumbang ke arah matlamat mencapai negara maju menjelang tahun 2020.

“Daripada jumlah penduduk Malaysia yang bekerja, sebanyak 12 juta atau

23.2 peratus pada tahun 2009, terdiri daripada mereka yang mempunyai lulusan pengajian tinggi.

“Perangkaan ini menunjukkan bahawa 45 peratus mereka yang bekerja dengan lulusan pengajian tinggi diperlukan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020,” katanya semasa berucap

pada Sidang ke-2, Majlis Konvokesyen ke-15, UMS, di sini kelmarin.

Terdahulu beliau berkata, dalam menghargai sumbangan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS yang pertama, Tan Sri Abdul Hamid Egoh telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang pengurusan oleh Sekolah Perniagaan dan Ekonomi.

Sementara itu, anugerah Profesor Emeritus dalam bidang Fizik, Sekolah Sains dan Teknologi pula dianugerahkan kepada Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin. Manakala, Prof. Dr. Sabariah Osman dianugerahkan Profesor Emeritus dalam bidang Sejarah bagi Sekolah Sains Sosial.

Penyampaian ijazah Sarjana Muda kepada penerima semasa Sidang ke-2 kelmarin disampaikan oleh Ketua Menteri merangkap Pro Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman.